

## **Tiada kompromi desakan semakan undang-undang penggunaan ganja**

February 24, 2016, Wednesday

PUTRAJAYA: Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) tidak akan berkompromi terhadap sebarang desakan supaya semakan semula dibuat ke atas undang-undang bagi membenarkan penggunaan ganja di negara ini.

Ketua Pengarahnya Datuk Suhaimi Abdullah berkata kajian menunjukkan peng-ambilan ganja yang kerap dalam jangka masa panjang boleh menyebabkan daya ingatan dan kebolehan berfikir terjejas sekali gus menyebabkan pengguna ganja menjadi malas dan antisosial.

“Justeru, kerajaan telah mengharamkan sebarang aktiviti penanaman, penghasilan, pengendalian, pemilikan, pengimportan dan pengeksporan ganja seperti termaktub dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952,” katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Beliau berkata Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Berkaitan Dadah tahun lepas turut bersepakat untuk berpegang kepada sikap ‘zero tolerance’ atau toleransi sifar terhadap penggunaan sebarang jenis dadah termasuk ganja.

Katanya ketegasan kerajaan Malaysia juga akan dinyatakan dalam Sesi Khas Mengenai Dadah dalam Persidangan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGASS) 2016 di New York, Amerika Syarikat pada 19 hingga 21 April depan. — Bernama